



UniMAP



Isu (iv)

31 Mac 2010

TINTA

SePMA

Pendidikan Teras Bangsa Diperkasa

ILMU TERAS PEMBENTUKAN MODAL INSAN

Kangar – Pelajar Melayu yang menuntut ilmu dan mempelajari perkara disekeliling dunia akan mempunyai modal insan selayaknya untuk menjadi pemimpin akan datang, ulas Prof. Dr. Awang Hasmadi Awang Mois dari Jabatan Sociologi – Anthropologi, Universiti Brunei Darussalam.

"Hal ini bagi memastikan agar umat Islam tidak menanggung kesan buruk apabila melihat ramai anggota masyarakat Islam yang menderita, sengsara, siksa dan masih atau kembali berada di bawah kuasa kolonialisme dan imperialism Russia mahupun kuasa besar Amerika," jelas beliau pada sesi pembentangan Utama 3 yang dijalankan pada hari kedua Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA) 2010 di sini, pagi tadi.

Prof. Awang menegaskan seseorang muslim perlu banyak membaca bagi melengkapkan diri dengan ilmu yang relevan kerana kelebihan modal insan yang dimiliki oleh sebahagian anggota masyarakat akan membantu mendominasikan masyarakat yang lain bagi sekaligus mempunyai keupayaan untuk seimbangkan struktur ekonomi Negara.

"Kerajaan Malaysia telah melaburkan wang yang banyak dalam pembangunan modal insan melalui pendidikan dan latihan kemahiran dengan harapan struktur sosial yang tidak seimbang dari segi ekonomi dapat diperbaiki".



Prof. Dr. Awang Hasmadi Awang Mois

MATA PELAJARAN SEJARAH DAN TAMADUN BANGSA WASILAH PEMBENTUKAN SIKAP DAN JATI DIRI



Prof. Madya Norsiah Sulaiman, dari Universiti Utara Malaysia (UUM) menyatakan 89.3 peratus pelajar bersetuju bahawa melalui sejarah sifat positif dalam diri sesuatu bangsa berjaya ditanam jika menghayati perjuangan terdahulu.

Beliau yang membentangkan kertas kerja mengenai 'Pentingnya matapelajaran Sejarah dan Tamadun Bangsa sebagai wasilah pembentukan sikap dan jati diri dalam sistem Pendidikan negara' percaya bahawa orang Melayu tidak akan maju jika lupa jati diri yang dapat diperolehi melalui Sejarah.

"Saya menyeru agar matapelajaran Sejarah dan Tamadun di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) perlu diperkasakan supaya semangat jati diri dan sayangkan bangsa dapat dipertingkatkan bagi memastikan bangsa Melayu terus kekal di dunia," katanya diakhir pembentangan beliau.

FESTIVAL KEBUDAYAAN PUPUK SEMANGAT PERPADUAN



KANGAR, 30 MAC - Festival Kebudayaan Nusantara mampu menjadi medan memupuk semangat 1Malaysia di kalangan warga Perlis.

Festival yang diadakan sempena Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA) itu berlangsung di Dataran Dato' Sheikh Ahmad malam tadi dengan pelbagai jenis persembahan tarian kebudayaan dari rumpun nusantara.

Melalui penganjuran festival kebudayaan ini secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk mengetahui dan mempelajari pelbagai jenis tarian yang terdapat di rumpun nusantara dan sekaligus dapat meningkatkan fahaman budaya sesama masyarakat di rumpun nusantara.

Media PNC: Suhana Abdul Mutalib, Nurul Shafinaz Ismail, Mohd Basri Basir, Nurul Aida Othman, Noor Fazemil Naim, Jurugambar UniMAP